

19 NOV 2002

Inggeris-Dong Zong/I

MAJORITI CINA SOKONG PENGGUNAAN INGGERIS, KATA BEKAS PEMIMPIN DONG ZONG

KUALA LUMPUR, 19 Nov (Bernama) -- Sebahagian besar masyarakat Cina di negara ini menyokong langkah kerajaan supaya Bahasa Inggeris digunakan untuk mengajar Sains dan Matematik di sekolah rendah Cina, kata bekas pengerusi Dong Zong, Dr Too Chee Cheong.

Sambil merujuk satu kajian pada 1985 oleh harian Cina Sin Chew Jit Pao (kini Sin Chew Daily), beliau berkata kajian itu menunjukkan majoriti orang Cina bersetuju supaya tiga bahasa atau pelbagai bahasa digunakan di sekolah rendah Cina.

Dr Too, 78, mengetuai Dong Zong yang juga dikenali sebagai Persatuan Jawatankuasa Sekolah Cina Bersatu pada 1960. Dong Zong dan Persekutuan Persatuan Guru Sekolah Cina (Jiao Zong) membentuk pergerakan pendidikan Cina dikenali sebagai Dong Jiao Zong.

Bercakap kepada pemberita di kliniknya di sini, beliau berkata Dong Jiao Zong telah bertindak salah dengan memberi gambaran tidak betul kepada masyarakat Cina.

Katanya bantahan masyarakat itu ke arah menerima bahasa lain selain Cina adalah semata-mata pendapat pergerakan itu.

"Bencana terbesar kepada masyarakat Cina sebenarnya ialah polarisasi kaum itu kepada dua kumpulan -- orang Cina yang berbahasa Inggeris dan orang Cina yang hanya berbahasa Cina," katanya.

Dr Too berkata beliau menghormati Dong Jiao Zong kerana apa yang dilakukannya kepada pendidik Cina tetapi cara mereka menolak penggunaan pelbagai bahasa, menyebabkan penguasaan bahasa Inggeris menjadi rendah di kalangan pelajar Cina.

Beliau berkata kebijaksanaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk meningkatkan penggunaan bahasa Inggeris tepat pada masanya dan langkah itu telah mendapat sokongan semua bangsa, termasuk orang Melayu.

"Ini kerana mereka tahu, dengan menguasai bahasa Inggeris, itu tidak akan menjejaskan Bahasa Malaysia," katanya.

Dr Too berkata beliau telah cuba mempengaruhi rakan-rakannya dalam Dong Jiao Zong untuk menyokong pendekatan dwi-bahasa atau pelbagai bahasa semasa beliau menjadi pengerusi Dong Zong pada 1960 tetapi itu tidak berhasil kerana mereka (Dong Jiao Zong) hanya mahu mewujudkan satu sistem pendidikan Cina yang menyeluruh, dari peringkat rendah hingga tertinggi.

"Oleh kerana itu, saya dipinggir dan akhirnya meninggalkan Dong Jiao Zong. Mereka menggelar saya pengkhianat kepada kaum Cina dan menggadaikan pendidikan Cina," katanya.

Dr Too menasihatkan para pemimpin Dong Jiao Zong supaya tidak mengamalkan sikap pilih kasih ketika memperjuangkan isu-isu pendidikan Cina kerana pada masa yang sama ada antara mereka menghantar anak-anak mereka belajar di luar negara.

-- BERNAMA

AT AHH MAI